

## SET 1 – KARANGAN UMUM

**Peningkatan kos pendidikan, kos rawatan dan harga makanan telah menimbulkan masalah kewangan dalam keluarga.**

**Bincangkan.**

[100 markah]

Dalam menongkah arus pemodenan ini, setiap keluarga perlulah mempunyai perancangan kewangan yang tersendiri. Setiap keluarga tidak patut berlumba-lumba dengan orang lain semasa berbelanja sebaliknya berbelanja mengikut kemampuan masing-masing ibarat ukur baju di badan sendiri. Amalan perbelanjaan secara berhemah sewajarnya diamalkan dalam kehidupan seharian. Hal ini dikatakan demikian kerana amalan mulia ini mengelakkan diri kita daripada berhutang dan menjamin kelangsungan kehidupan kita yang sempurna. Dengan berbuat demikian, kita lebih bersedia untuk menghadapi masalah kenaikan harga barang yang sering kali dipolemikkan. Cukai barangan dan perkhidmatan (GST) yang telah diperkenalkan pada 1 April 2014 menjadi antara faktor kenaikan harga barangan. Dalam konteks ini, rakyat Malaysia menghadapi masalah apabila hampir semua barang kegunaan dinaikkan harga ekoran pengenalan cukai baharu. Tambahan pula, perkhidmatan juga mencatatkan peningkatan harga mendadak. Kewujudan pihak yang tidak berhati perut pula mengambil kesempatan untuk menanggung di air keruh apabila kerajaan mengumumkan pengutipan GST. Peningkatan kos pendidikan, kos rawatan dan makanan turut berlaku apabila banyak pihak meningkatkan harga sewenang-wenangnya. Kenaikan harga barang telah menimbulkan pelbagai masalah kewangan. Apakah masalah kewangan yang dihadapi oleh keluarga? Kita mestilah mengupas satu demi satu permasalahan yang dihadapi oleh keluarga apabila kos barangan dan perkhidmatan dinaikkan. Persoalan yang telah menerjah dan menerawang dalam minda kita ialah apakah impak yang paling utama kepada keluarga?

Pada pendapat saya, kos pendidikan yang meningkat telah menyebabkan keluarga terpaksa untuk melupakan hasrat untuk menyekolahkan anak di sekolah yang lebih baik. Ibu bapa terpaksa reda dengan peningkatan yuran persekolahan yang telah menyebabkan murid-murid terpaksa berpindah dari sekolah swasta ke sekolah harian biasa untuk menjimatkan kos pendidikan anak. Masalahnya, kos pendidikan yang meningkat dengan mendadak disebabkan oleh kos pengangkutan anak ke sekolah yang turut mengalami peningkatan yang memburukkan keadaan. Pada masa yang sama, kos pentadbiran dan penyelenggaraan sekolah meningkat. Seterusnya, kos pencetakan dan kos kertas juga meningkat. Dengan perkataan lain, peningkatan kos pengangkutan, kos pentadbiran dan penyelenggaraan sekolah dan kos pencetakan serta kos kertas telah menyebabkan kos pendidikan menerima kesannya. Sebagai contohnya, pada tahun 2004, sekolah swasta menawarkan pakej yuran RM12,000 setahun kepada ibu bapa tetapi pada tahun 2018, kos yuran sekolah dinaikkan sehingga RM25,000 setahun. Yuran sekolah meningkat lebih daripada 100 peratus telah menyebabkan beban yang sangat berat ini tidak mampu ditanggung oleh ibu bapa yang membanting tulang. Impaknya, anak-anak terpaksa menerima kesan kenaikan kos pendidikan seperti berpisah dengan kawan-kawan di sekolah lama, berpindah ke sekolah harian dan terpaksa

menyesuaikan diri dalam keadaan yang lebih sesak dan kurang selesa. Anak-anak mula menghadapi masalah hilang semangat dan motivasi untuk belajar akibat kenaikan kos yuran persekolahan. Jelaslah bahawa kenaikan kos pendidikan merupakan beban besar kepada ibu bapa. Kesannya, ibu bapa berasa malu untuk menghadapi anak-anak mereka kerana tidak dapat menyembunyikan masalah kewangan keluarga daripada anak. Mereka hanya mampu menitiskan air mata dalam setiap doa dan sembahyang yang didirikan tetapi tidak difahami anak-anak.

Skop perbincangan akan diteruskan lagi dari aspek kos rawatan yang meningkat secara mendadak juga memberikan kesan kesihatan kepada keluarga. Peningkatan kos rawatan telah menyebabkan ahli keluarga yang berpenyakit bahaya terus berputus asa dan berhenti makan ubat yang semakin mahal dari sehari ke sehari. Dengan ini, harapan untuk hidup sihat dan sejahtera nampaknya sia-sia. Hal ini dikatakan demikian kerana harga ubat semakin mahal disebabkan kos pengimportan yang meningkat. Akibatnya, hampir setiap ubat yang diimport dikenakan GST. Kenaikan harga ubat membebankan rakyat yang berpendapatan sederhana. Adanya yang ahli keluarganya terpaksa mengikat perut untuk membolehkan ibu bapa mereka yang sakit untuk membeli ubat. Ada juga remaja yang bekerja untuk menambahkan pendapatan keluarga kerana mereka tidak diberikan makanan langsung. Kehidupan mereka yang hanya berpeluang untuk makan sekiranya bekerja ibarat kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Senario ini merupakan kenyataan yang amat pahit kerana semua ahli keluarga terpaksa hidup dalam kesengsaraan. Biar kita ambil contoh, ubat darah tinggi yang naik 30% pada tahun 2015 hingga 2017 telah memberikan kesan yang mudarat kepada ahli keluarga yang menghidap penyakit ini. Ada juga yang terpaksa melupakan ubat, dan ada juga yang terpaksa beratur di hospital kerajaan untuk mendapatkan ubat percuma. Mereka terpaksa menunggu lama di hospital hanya untuk mendapatkan ubat semata-mata. Kos rawatan yang meningkat telah menjejaskan kualiti kesihatan rakyat. Mereka terpaksa mendaftarkan diri sebagai pesakit di hospital kerajaan. Hal ini telah menyebabkan lambakan pesakit berlaku di hospital kerajaan. Akibatnya, jururawat terpaksa melayan lautan manusia yang ingin mendapatkan rawatan. Pesakit-pesakit terpaksa menunggu lama untuk berubat. Kesannya, keluarga pada masa ini menjadi kurang sihat. Kualiti kesihatan ahli keluarga akan terus merosot akibat terpaksa melupakan hasrat untuk membeli suplemen yang mahal. Secara tidak langsung, kehidupan mereka menjadi tidak bahagia kerana terpaksa menghadapi kos rawatan yang semakin hari semakin mahal.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa makanan merupakan sumber tenaga manusia. Manusia terus menjadi mangsa kenaikan kos makanan dan telah menyebabkan ahli keluarga menjimatkan kos penyediaan makanan. Ada juga keluarga yang terpaksa berlapar dan makan dua kali sehari sahaja akibat kekurangan wang. Hal ini merupakan impak daripada kenaikan kos makanan di negara kita, Malaysia. Kenaikan kos makanan disebabkan bahan mentah yang semakin mahal. Hal ini berlaku demikian kerana kawasan pertanian juga semakin kurang aktif menghasilkan makanan. Apabila perkara ini berlaku, rakyat Malaysia terpaksa mengimport makanan dari luar negara pula. Keadaan ini membawa konotasi bahawa rakyat menjadi

mangsa kos kenaikan harga makanan. Merekalah yang terpaksa menanggung pelbagai beban kos makanan. Bagi membuktikan perkara ini, contoh yang boleh diketengahkan ialah minyak masak yang telah menghadapi kenaikan lebih 20% sejak GST diperkenalkan. Kenaikan ini menyebabkan ahli keluarga menghadapi masalah untuk menyediakan masakan yang sesuai. Keadaan ini telah menyebabkan ahli keluarga terpaksa membeli sayur paling murah akibat peningkatan kos buah-buahan dan sayur-sayuran. Anak-anak pada masa ini akan berasa bosan akan makanan yang sama tetapi mereka tidak mengetahui bahawa peningkatan kos buah-buahan dan sayur-sayuran telah menyebabkan ibu bapa mereka tiada pilihan lain. Dalam keadaan ini, anak-anak terpaksa makan apa-apa sahaja yang disediakan oleh ibu bapa. Pada masa yang sama, ahli keluarga juga dikatakan kehilangan selera makan. Hubungan anak-anak dengan ibu bapa juga menerima kesan yang negatif akibat peningkatan kos makanan. Impaknya, kenaikan harga makanan hanya memberikan kesan kepada keluarga. Mereka juga terpaksa melupakan hasrat untuk meraikan majlis hari jadi di luar kerana makanan di restoran atau di hotel terlalu mahal sampai tahap tidak mampu dinikmati. Hal ini membuktikan bahawa taraf hidup keluarga merosot seiring kenaikan kos ini.

Beralih pula pada perspektif yang lain, kos perkhidmatan telah menghadapi kenaikan yang amat mengecewakan. Apabila perkara ini berlaku, ahli keluarga terpaksa menghadapi kos kenaikan ini dengan hati terbuka. Kos sewaan rumah meningkat dan tuan rumah terpaksa menghalau mangsa kenaikan sewa akibat tidak mempunyai wang yang mencukupi untuk membiayai kos sewaan. Laporan akhbar ada menyatakan bahawa mangsa kenaikan sewa terpaksa tidur di dalam kereta. Kos sewaan yang meningkat telah menyebabkan ahli keluarga tidak mampu menyewa rumah. Janganlah kata menyewa rumah, membeli rumah baharu lagi tidak mampu. Hal ini menyebabkan ibu bapa melupakan hasrat untuk memberikan keselesaan dan kebahagiaan kepada anak-anak apabila menghadapi krisis kekeluargaan daripada ekonomi. Sebagai analoginya, laporan akhbar menyatakan bahawa kos isi rumah meningkat dan kadar sewa naik sebanyak 25% pada 2016 dan terus meningkat pada 2017 dan 2018. Persoalannya, siapakah yang bertanggungjawab dalam soal ini? Kesannya pula, kenapakah kenaikan kos perkhidmatan hanya ditanggung oleh ahli keluarga? Anak-anak terpaksa tinggal di rumah yang lebih kecil. Merekalah yang terpaksa tinggal di kawasan setinggan yang kurang selesa. Apabila anak-anak berasa bosan, mereka akan mencari hiburan di luar dan mudah terpengaruh oleh rakan sebaya yang kurang beradab. Apabila perkara ini berlaku, banyak masalah sosial yang dicatatkan di kawasan setinggan akan menyebabkan keluarga bersedih. Natijahnya, keluarga yang menerima kesan buruk daripada kos kehidupan terpaksa menghadapi anak-anak yang hilang kesabaran dan ketenangan. Impak daripada kenaikan kos perkhidmatan adalah amat besar, seperti kualiti kehidupan keluarga semakin hari semakin terjejas teruk. Jika keadaan ini berlaku secara berterusan, dalam jangka masa panjang, ibu bapa juga akan menghadapi masalah domestik pula.

Lanjutan daripada huraian yang telah dinyatakan di atas, kos kenaikan pendidikan, rawatan, dan harga makanan menyebabkan keluarga hilang keselesaan hidup dan luntarnya kebahagiaan. Mangsa kenaikan kos tidak dapat menikmati kualiti kehidupan yang lebih baik

kerana terpaksa memikirkan banyak faktor sebelum membelanjakan wang. Hal ini akan menyebabkan masa depan keluarga tidak bahagia pula. Oleh itu, urusan kewangan keluarga patutlah dirancang dengan bijaksananya dan diatur dengan sebaik-baik mungkin oleh ahli keluarga, terutamanya ibu bapa. Walau bagaimanapun, ada juga yang bersikap boros dan suka makan di luar. Mereka tidak mempunyai amalan menabung dan tidak memikirkan masa depan anak-anak dan keluarga. Perbelanjaan mereka lebih banyak daripada pendapatan persis kata peribahasa Melayu, "besar pasak daripada tiang". Perbuatan sebegini akan menyebabkan ahli keluarga berasa kecewa terhadap mereka. Contoh ketara yang paling dekat dengan kita ialah ibu bapa terpaksa menjual kereta di rumah kerana tidak mampu menampung kos kenaikan perkhidmatan seperti insurans kereta dan petrol. Dengan ini, ibu bapa terpaksa untuk melupakan hasrat untuk memandu kereta sendiri ke tempat kerja. Lebih-lebih lagi, mereka bertambah penat kerana terpaksa bangun awal untuk menunggu bas dan LRT. Hal ini akan menyusahkan kehidupan mereka. Impaknya, ibu bapa yang kepenatan tidak dapat meluangkan masa bersama anak kerana pulang lewat dari pejabat. Selain itu, faktor cuaca seperti hujan pula menjejaskan kesihatan ibu bapa. Ibu bapa yang kehujanan mudah jatuh sakit. Apabila ibu bapa jatuh sakit, anak-anak bertambah risau akan ibu bapa dan kos rawatan tidak mampu ditanggung pula. Deduksinya, kesan jangka panjang akan menyebabkan Malaysia menjadi negara miskin dan kualiti hidup rakyat akan terus terjejas. Apabila situasi sebegini berlaku, rakyat akan menjadi golongan yang terjajah oleh harga barang yang meningkat, menjadi mangsa kenaikan harga barang dan kadangkala menghadapi senario dapur tidak berasap pula.

Sebagai menggulung segala yang telah diperkatakan, keadaan kewangan keluarga mestilah dirancang dengan baiknya. Ibu bapa memainkan peranan penting untuk memastikan kos atau biaya keluarga mencukupi. Anak-anak yang sudah remaja atau dewasa pula bolehlah mencari kerja sampingan untuk meringankan beban kewangan ibu bapa bak kata peribahasa, ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni. Kebahagiaan sesebuah keluarga bukan hanya diukur dari segi kewangan semata-mata. Ibu bapa harus mendidik anak dengan menggunakan kaedah nilai murni sejak kecil kerana melentur buluh biarlah dari rebungunya. Ibu bapa patutlah mendidik anak supaya menabung sejak kecil kerana kita haruslah sentiasa bersedia untuk menghadapi kecemasan semasa berlakunya kemelesetan ekonomi ibarat sediakan payung sebelum hujan. Saya berdoa agar setiap keluarga akan menikmati kebahagiaan di dunia dan di akhirat serta bebas daripada beban kewangan. Saya juga berharap agar masalah kenaikan harga barang tidak akan membebankan tanggungan ibu bapa. Didikan ibu bapa mampu melahirkan anak yang akan menjadi manusia yang bijak merancang kewangan demi menjanjikan kebahagiaan dan kesentosaan kepada keluarga agar merealisasikan konsep rumahku, syurgaku!

## SET 2 – KARANGAN BAHAN RANGSANGAN KEISTIMEWAAN MALAYSIA SEBAGAI DESTINASI PELANCONGAN

Dalam meniti arus kemodenan ini, Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai keunikan dan keindahan alam yang terkenal sebagai destinasi pelancongan. Malaysia memang terkenal dengan banyak keistimewaan yang menjadi pilihan utama pelancong. Walaupun jarak Malaysia jauh dari Eropah, pelancong tetap memilih Malaysia sebagai destinasi ideal percutian utama sekeluarga. Walau betapa sukar sekalipun, keadaan ini bukan penghalang kepada pelancong bak peribahasa Melayu, hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih. Persoalannya, apakah keistimewaan yang ada di Malaysia sebagai destinasi pelancongan?

Sebagai mukadimah perbincangan, sememangnya Malaysia sangat istimewa sekali kerana memiliki beberapa pantai yang bersih, cantik dengan cuaca yang panas dan lembap. Hal ini dikatakan demikian kerana kedudukan Geografi Malaysia terletak pada Garisan Khatulistiwa dengan Iklim Tropika sepanjang tahun. Sebagai contohnya, Pantai Cenang di Langkawi dan pasir putih yang berkilauan di Pulau Redang merupakan antara destinasi pelancongan yang kerap dibanjiri oleh pelancong. Para pelancong teruja dan berpuas hati setelah melihat keindahan pantai tersebut dan bukanlah indah khabar daripada rupa. Bukan itu sahaja, terdapat juga beberapa perniagaan kecil seperti menjual makanan dan buah tangan di persisiran pantai. Kesannya, keadaan ini dapat memberikan peluang pekerjaan dan perniagaan kepada penduduk Negara kita. Tegasnya, pantai yang bersih dan cantik serta dengan udara yang nyaman merupakan keistimewaan di Negara Malaysia.

Selain itu, Malaysia dikurniakan dengan pelbagai jenis makanan tempatan yang sangat unik dan sajian istimewa tersebut dibuat daripada pelbagai air tangan bangsa dan kebudayaan. Para pelancong boleh menikmati pelbagai jenis juadah yang kaya dengan rempah-ratus bak kata orang tua-tua, tak kenal maka tak cinta. Dengan itu para pelancong dapat mengenali dan menikmati makanan di Malaysia. Contohnya, nasi lemak, ketiaw goreng, sate, lemak dan sebagainya menjadi produk pelancongan yang utama. Bukan itu sahaja, media massa boleh menghiasi promo video pelancongan dengan pelbagai juadah yang lazat bagi menarik perhatian para pelancongan dan mencubainya. Izharnya, pelbagai jenis makanan tempatan menjadikan Malaysia sangat istimewa.

Di samping itu, keistimewaan Malaysia yang seterusnya ialah kemudahan pengangkutan awam termoden dan kondusif. Kemudahan awam memang sangat penting bagi memudahkan perjalanan mereka ketika melancong ke mana-mana destinasi. Sebagai contoh, Malaysia mempunyai system tren komuter, sistem tren elektronik, bas percuma, kemudahan e-panggilan "Grab Car" dan lain-lain lagi. Jika para pelancong ingin menjimatkan kos perbelanjaan mereka, kemudahan awam merupakan pilihan yang bijak kerana dapat menyenangkan pergerakan para pelancong persis kata orang tua-tua, ukur baju di badan sendiri, sewaktu memilih pengangkutan awam. Saya ingin menegaskan bahawa kemudahan awam yang berkualiti dan selesa makin istimewa di hati pelancong.

Kesimpulannya, bulan kian terang, bayang kian jelas bahawa terdapat banyak daya tarikan di Malaysia sebagai destinasi pelancongan, Industri pelancongan perlu dimajukan dengan semua keistimewaan yang dirungkaikan seperti di atas kerana mampu memberikan pulangan yang lumayan terhadap ekonomi negara. Lantaran ini, semua pihak harus memberikan kerjasama menjaga kebersihan kawasan sekeliling, memelihara kebudayaan bangsa Malaysia dan menjaga kesopanan diri sebagai seorang rakyat yang bertanggungjawab. Semoga dengan adanya usaha sederhana ini, Malaysia mampu menjadi pusat pelancongan utama di persada dunia agar dapat berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan negara jiran kita. Jelaslah bahawa kita harus mengetahui semua keistimewaan Malaysia sebagai destinasi pelancongan.

### SET 3 – KARANGAN BAHAN RANGSANGAN PRODUK PELANCONGAN DI MALAYSIA

Berdasarkan sumber berita daripada Pejabat Perdana Menteri Malaysia pada 5 Jun 2020, ucapan yang bertajuk Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) telah disampaikan oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd Yassin. Beliau mengatakan bahawa empat langkah untuk mengaktifkan kegiatan industri pelancongan semula. Sektor pelancongan dianggap sebagai satu industri yang menguntungkan negara dan bidang ini telah merupakan pendapatan utama kepada rakyat dan negara Malaysia. Sebagai rakyat Malaysia, kita bersyukur kerana kita ada banyak produk pelancongan untuk menarik minat pelancong yang dari seluruh dunia. Walau bagaimanapun, sesetengah rakyat Malaysia tidak bersyukur dengan produk pelancongan negara kita, mereka sentiasa melancong ke luar negara. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka tidak sedar bahawa hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik di negeri sendiri. Negara kita mempunyai banyak produk pelancongan istimewa. Persoalannya, apakah produk pelancongan di Malaysia yang perlu diketahui oleh semua?

Pada realitinya, memang tidak dapat dinafikan bahawa tempat-tempat menarik di Malaysia mampu menjadi produk pelancongan Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana banyak tempat menarik negara kita telah menjadi mercu tanda yang utama yang melabelkan Malaysia di peta dunia. Sebagai contohnya, tempat menarik di Malaysia yang paling popular dan digemari oleh para pelancong termasuklah Menara Berkembar Petronas KLCC dan tapak-tapak bersejarah di Melaka. Kita mesti melihat sendiri keistimewaannya kerana tak kenal maka tak cinta. Oleh sebab itu, keistimewaan Malaysia seperti kemegahan bangunan pencakar langit dan keunikan bangunan bersejarah dapat diperhatikan oleh para pelancong. Keistimewaan-keistimewaan tempat menarik tersebut menjadi faktor pendorong kepada kedatangan pelancong ke negara kita. Seperti yang telah dinyatakan, produk pelancongan utama di negara ini ialah tempat-tempat menarik.

Pada masa yang sama, kebudayaan pelbagai kaum merupakan produk pelancongan Malaysia. Sektor pelancongan juga mempromosikan budaya amalan Malaysia yang unik kepada pelancong luar negara. Hal ini dikatakan demikian kerana rakyat Malaysia terdiri daripada pelbagai etnik yang unik dan menarik sekali antaranya Melayu, Cina, India, Kadazan, Murut, Bajau dan Iban. Walau bagaimanapun, kita menyedari hakikat bahawa rambut sama hitam, hati lain-lain, namun masyarakat yang berbilang kaum ini dapat hidup bersatu padu dan bertolong-tolongan bagai aur dengan tebing. Setiap kaum mempunyai adat dan budaya yang berbeza-beza mampu menarik minat pelancong untuk turut menyertai aktiviti tradisional mereka. Sebagai contohnya, permainan tradisional, persembahan muzik tradisional, dan seni budaya. Persembahan kesenian tradisional seperti wayang kulit, dikir barat dan kuda kepang manakala permainan seperti sepak raga, congkak dan wau yang diamati oleh pelancong mendorong mereka untuk datang semula. Kesannya, para pelancong akan menghayati kebudayaan yang unik apabila melancong ke negara Malaysia. Tegasnya, produk pelancongan berasaskan kebudayaan mestilah kita utamakan.

Sementara itu, Malaysia terkenal sebagai syurga beli-belah juga sebagai produk pelancongan. Hal ini terjadi demikian kerana Malaysia mempunyai banyak pusat beli-belah dibuka termasuk yang tidak mengenakan cukai. Sebagai contohnya, Malaysia mempunyai pusat beli-belah yang popular seperti Genting Premium Outlet, Pusat Beli-belah Pavilion dan Midvalley Megamall selalu dikunjungi oleh pelancong domestik dan pelancong asing. Berdasarkan sumber daripada laman web Tourism Malaysia pada 15 Mac 2014, statistik menunjukkan Kuala Lumpur telah dinobatkan sebagai Bandar raya Beli-belah Ke-4 Terbaik dunia selepas New York, Tokyo dan London untuk dua tahun berturut-turut (2012-2013). Akibatnya, pelancong dapat berbelanja di Malaysia dan meningkatkan kadar mata wang. Dengan keadaan sedemikian, rakyat kita juga memperoleh peluang pekerjaan kerana ada gula ada semut. Tuntasnya, pusat beli-belah ialah produk pelancongan yang penting kepada Malaysia.

Secara keseluruhan, industri pelancongan menjadi satu projek atau program pembangunan yang menguntungkan negara daripada pelbagai sudut. Industri pelancongan mampu melestarikan warisan dan memajukan ekonomi negara kita. Industri ini masih perlu diterokai kerana kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya. Oleh itu, kita haruslah bersikap mesra dengan pelancong dan memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk menjaga imej baik Malaysia. Keseluruhan rakyat jelata harus menyelaraskan minda sebagai sebuah negara perkhidmatan setimpal dengan status sebagai sebuah negara maju. Saya berdoa semoga pelancong akan berpuas hati dan memberikan tanggapan baik kepada Malaysia. Produk pelancongan di Malaysia pasti menjadi buah mulut seluruh penduduk dunia untuk berkunjung sambil merehatkan minda mereka. Kita mesti menjaga dan memelihara produk pelancongan yang ada di Malaysia.

## SET 4 – KARANGAN UMUM SPM PERANAN IBU BAPA MENGAWAL PENGGUNAAN TELEFON PINTAR DALAM KALANGAN ANAK MEREKA

Pada zaman globalisasi ini, isu pengguna telefon pintar semakin meningkat dan tidak pernah menyusut malah kian membimbangkan. Menurut sumber daripada akhbar Utusan Malaysia, pengguna telefon pintar di Malaysia ialah 26 juta orang pada tahun 2016 kerana telefon pintar mempunyai banyak fungsi yang memudahkan kita. Walau bagaimanapun, statistik menunjukkan 80 peratus remaja menyalahgunakan telefon pintar. Dalam kalangan remaja ini, terdapat 90 peratus remaja menggunakan telefon pintar kerana perasaan mereka yang ingin cuba yang ada pada diri mereka. Antaranya, 70 peratus daripada mereka disebabkan oleh masalah gagal dikawal oleh ibu bapa mereka. Penyalahgunaan telefon pintar dalam kalangan remaja menyebabkan mereka mengabaikan tugas harian dan tidak menyiapkan kerja rumah yang diberikan oleh guru. Sehubungan dengan itu, prestasi mereka dalam pelajaran akan terjejas dan masalah ini semakin hari semakin serius. Fenomena ini bagai bisul menjadi nanah jika dibiarkan oleh ibu bapa yang gagal mengawal anak mereka. Oleh sebab itu, masalah yang serius ini perlu diatasi sebelum nasi sudah menjadi bubur. Persoalan yang perlu kita bincangkan ialah apakah peranan yang perlu dimainkan oleh ibu bapa untuk mengawal penggunaan telefon pintar dalam kalangan anak mereka?

Peranan ibu bapa untuk mengawal penggunaan telefon pintar dalam anak mereka ialah ibu bapa mestilah mengajar anak mereka cara betul menggunakan telefon pintar. Hal ini kerana anak-anak dapat dielakkan daripada menyalahgunakan telefon pintar yang dimiliki oleh mereka. Ibu bapa boleh memberikan pengetahuan kepada anak-anak tentang kes penyalahgunaan telefon pintar dan memastikan anak-anak mempunyai ilmu penggunaan telefon pintar yang betul. Ibu bapa mestilah mengajar dan mendidik anak mereka sejak kecil kerana melentur buluh biarlah daripada rebungunya. Sebagai contohnya, ibu bapa haruslah mengajar anak cara yang betul pada hari pertama anak mereka dibelikan telefon pintar. Sumber daripada akhbar Berita Harian melaporkan 55% remaja mendedahkan maklumat peribadi kepada individu yang tidak dikenali, termasuk memberikan gambar dan gambaran fizikal diri mereka. Oleh itu, anak tidak akan menjadi golongan nomofobia, iaitu fenomena yang menyebabkan seseorang terasa fobia tanpa telefon pintar. Sebaliknya, anak-anak mampu memanfaatkan telefon pintar untuk mencari maklumat yang penting dan berguna. Tambahan pula, anak-anak dapat membaca bahan-bahan yang berkualiti yang tidak menjejaskan pelajaran mereka. Ibu bapa harus sedar bahawa bagaimana

acuan begitulah kuihnya dalam hal ini. Hal ini sudah jelas membuktikan bahawa anak-anak mestilah diajar oleh ibu bapa cara menggunakan telefon pintar mereka.

Di samping itu, ibu bapa mestilah mendedahkan anak mereka kepada isu penyalahgunaan telefon pintar. Hal ini dikatakan demikian kerana anak-anak remaja akan hilang kawalan terhadap telefon pintar dan mula ketagihan penggunaan telefon pintar. 29% remaja hari ini menjadi mangsa dihubungi dan dihendap oleh individu yang tidak dikenali oleh mereka. Lebih-lebih lagi, 29% remaja memuat naik maklumat yang salah dan palsu, gambar yang memalukan dan menyebarkan lawak tidak baik mengenai seseorang dalam media sosial. Perbuatan remaja ini akan terkena kembali kepada diri sendiri bagai menepuk air di dulang, terpercik ke muka sendiri. Misal kata, ibu bapa harus membincangkan penyalahgunaan telefon pintar dengan anak-anak. Menurut Akhbar Berita Harian, laporan menunjukkan bahawa 24% ibu bapa memeriksa kandungan telefon pintar anak mereka. Akibatnya, anak-anak mereka tidak akan mengabaikan pelajaran walaupun memiliki telefon pintar sebaliknya mereka akan memanfaatkan telefon pintar untuk menyimpan nota dan maklumat peperiksaan. Anak-anak juga hanya menggunakan telefon pintar sekiranya selesai menjalankan tugas harian. Oleh itu, remaja begitu tidak akan membazirkan masa kerana bagi mereka masa itu emas. Tuntasnya, anak mestilah didedahkan oleh ibu bapa tentang penyalahgunaan telefon pintar agar dapat mengawal anak-anak daripada menyalahgunakan telefon bimbit.

Seterusnya, ibu bapa mestilah memantau penggunaan telefon pintar dalam kalangan anak. Hal ini berpunca daripada ibu bapa dapat mendisiplinkan anak-anak sebelum mereka terlibat dalam gejala sosial. Ibu bapa boleh mengehadkan jadual anak hanya menggunakan telefon pintar apabila mereka memerlukan fungsinya. Hal inilah dapat memastikan anak-anak tidak bergaul dengan mana-mana individu di luar sana. Remaja yang pintar dikatakan jauhari jua yang mengenal manikam dalam isu ini. Sebagaimana yang kita sedia maklum, penggunaan telefon pintar yang terlalu lama akan menjejaskan kesihatan remaja. Sebagai contohnya, mata remaja akan menjadi kering, penat dan mengalami kesakitan di batu dan di leher. Oleh hal yang demikian, anak tidak akan mengalami masalah kesihatan mata jika dipantau oleh ibu bapa. Dengan usaha yang diambil ini anak-anak dapat mengimbangi masa antara pelajaran dengan aktiviti bersosial. Anak juga akan menjadi lebih rapat dengan ibu bapa daripada rapat dengan telefon. Anak-anak akan menghargai ibu bapa yang menjaga mereka bagai menatang minyak yang penuh. Anak-anak mestilah dipantau oleh ibu bapa dalam penggunaan telefon pintar supaya mereka tidak akan bermanja-manja dan bermain-main dengan telefon pintar sehingga melupakan pelajaran.

Selain itu, ibu bapa bolehlah membelikan anak mereka telefon pintar sekiranya anak matang. Hal ini dikatakan demikian kerana banyak ibu bapa membelikan telefon pintar kepada anak mereka sewaktu usia anak belum matang lagi. Anak-anak akan mendapat gantian kasih sayang ibu bapa yang membeli telefon pintar yang mahal. Anak pula menyalahgunakan telefon pintar untuk menunjuk-nunjuk kepada kawan. Anak yang umur baru setahun jagung, darah baru setampuk pinang perlu dijaga kerana mereka masih sangat muda dan belum berpengalaman. Sebagai contohnya, ibu bapa boleh mendapatkan pandangan daripada kawan dan pakar dalam hal ini. Dalam temu ramah baru-baru ini dengan The Mirror, Bill Gates mengatakan bahawa remaja berusia 14 tahun baru sesuai memiliki telefon pintar sendiri. Impaknya, anak remaja itu dapat berfikir dengan matang dan membuat keputusan yang baik. Mereka tidak akan membazirkan masa bersebelang kosong dengan aplikasi media sosial dan memanfaatkan telefon pintar secara optimum dalam pelajaran dan kehidupan. Anak remaja ini dapat membuat perbezaan yang mana kaca, yang mana permata. Sudah terang lagi bersuluh, telefon pintar mampu dibeli oleh ibu bapa jika anak cukup matang untuk menggunakannya agar kawasan dapat dilakukan terhadap anak-anak daripada terjerumus dalam ketagihan telefon pintar sehingga pelajaran terabai.

Konklusinya, semua ibu bapa mestilah memainkan semua peranan di atas agar anak remaja tidak menyalahgunakan telefon pintar sehingga menjejaskan pelajaran yang lebih penting. Pada pendapat saya, ibu bapa harus menghadiri kursus keibubapaan dan peranannya dari masa ke masa. Ibu bapa juga mestilah memahami dan mengetahui kelemahan serta kekuatan anak-anak. Seterusnya, ibu bapa perlu prihatin dan cakna dalam hal yang berkaitan dengan telefon pintar yang boleh menjejaskan pelajaran anak mereka. Ibu bapa moden haruslah ingat bahawa di mana ada kemahuan, di situ ada jalannya. Jangan sekali-kali membiarkan anak-anak remaja menyalahgunakan telefon pintar. Ibu bapa perlu memainkan peranan mereka supaya anak remaja tidak akan mengabaikan pelajaran dan tugas yang diamanahkan dan anak remaja akan membahagikan masa antara pelajaran dengan kehidupan. Anak remaja juga akan menggunakan telefon pintar dengan bijaksana dan penuh manfaat. Remaja ialah harapan negara kerana pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara. Remaja kini akan menjadi bakal pemimpin yang bijak memanfaatkan telefon pintar dalam kehidupan. Peranan yang penting mesti dimainkan oleh ibu bapa agar anak-anak tidak menyalahgunakan telefon pintar hingga mengabaikan tugas dan prestasi mereka.

## SET 5 – KARANGAN UMUM (FAEDAH MASYARAKAT DUNIA MENONTON FILEM ANTARABANGSA)

Dunia perfileman semakin hari semakin rancak terutamanya dalam kalangan masyarakat. Filem telah berjaya bertapak di dalam hati setiap umat manusia di jagatraya indah ini. Masyarakat dunia masa ini secara lazimnya menonton filem sebagai hobi ataupun mahu mengisi masa lapang. Dengan wujudnya teknologi dan gajet, masyarakat dapat menonton di mana-mana dan bila-bila masa. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka dapat memuat turun filem melalui Internet serta menggunakan aplikasi seperti Netflix untuk menonton filem sama ada yang terbaharu atau yang lama. Namun, para penonton juga harus bertindak bijak dengan menapis dan memilih filem yang sesuai untuk ditonton oleh semua. Pada masa ini, terdapat terlampau banyak filem yang antaranya yang mempunyai unsur negatif serta bercanggah dengan budaya tempatan. Sekiranya masyarakat dapat berfikir dengan bijaknya sewaktu memilih filem, maka pastilah masyarakat dapat memperoleh faedah kerana jauh hari juga yang mengenal manikam. Persoalannya, apakah faedah yang diperoleh masyarakat dunia daripada filem yang disiarkan melalui konsep langit terbuka ini.

Pertama, masyarakat di dunia dapat mempelajari ilmu ikhtiar hidup dengan menonton filem yang berunsurkan pengembaraan. Hal ini dikatakan demikian kerana filem antarabangsa seperti *Life of Pi* mengajar penonton tentang kemahiran kelangsungan hidup semasa menghadapi kesusahan. Dalam filem *Life of Pi*, penonton dapat menyaksikan watak utama, iaitu Pi yang terpaksa menghadapi ombak cabaran dan lautan dugaan dalam pelayaran secara seorang diri. Dia perlu mencari makanan dan air minum dari laut. Sepanjang ekspedisi tersebut, dia tetap berani menghadapi ketidakpastian hidup serta mengambil risiko. Daripada filem tersebut, para penonton dapat menghayati kepentingan membina ketahanan fizikal dan mental dalam diri. Selain itu, filem tersebut juga memupuk mereka untuk mempersiapkan diri dengan pengetahuan tentang hidupan air dan skil untuk menguasai ilmu ikhtiar hidup. Sebenarnya, setiap manusia mesti mengetahui ilmu ikhtiar yang asas supaya dapat menghadapi apa-apa situasi kritikal dalam kehidupan yang tidak disangkal. Hal ini adalah seperti peribahasa melentur buluh biarlah dari rebungunya, ibu bapa mesti mengajar anak tentang ilmu ikhtiar sejak kecil kerana dapat membawa kebaikan kepada mereka. Anak-anak mereka dapat mengaplikasikan kemahiran bagi menyelesaikan masalah kehidupan. Tuntasnya, ilmu ikhtiar hidup dapat dipelajari

melalui filem yang disiarkan daripada satelit menerusi ruang angkasa dunia bebas maklumat serta dapat memberikan faedah dari segi ilmu kepada kita.

Di samping itu, filem daripada Hollywood sehingga Bollywood juga dapat memupuk nilai-nilai murni. Masyarakat pada era ini amat memerlukan pendidikan dari segi moral dan rohaniah kerana pembangunan pesat yang hanya mementingkan nafsu duniawi telah menyebabkan mereka kehilangan sahsiah diri. Terdapat filem yang jelas memaparkan isu semasa seperti isu kekurangan Kasih sayang ibu bapa ataupun perpecahan keluarga. Isu yang dinyatakan di atas sering berlaku disebabkan kesibukan ibu bapa untuk mencari rezeki sehingga melupakan hubungan ahli keluarga. Ikatan keluarga juga semakin lama semakin lemah kerana jarang berinteraksi. Melalui filem bertajuk Khabhi Khusi Khabhi Gham, iaitu sebuah filem Hindi yang terkenal di seluruh dunia, tema kekeluargaan diberikan keutamaan sepanjang filem tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana filem tersebut menceritakan usaha sesebuah keluarga yang banyak berkonflik untuk memulihkan hubungan agar silaturahmi menjadi kukuh terjalin dan hubungan menjadi erat. Filem ini juga disiarkan di pawagam di seluruh dunia tidak kira di India ataupun di Amerika Syarikat secara serentak. Dengan menonton filem tersebut dengan perkembangan Internet, kita dapat memahami tema tentang kasih sayang Ibu bapa terhadap anak-anaknya yang dapat diibaratkan bagai menatang minyak yang penuh. Bukan itu Sahaja, kita juga akan lebih menyayangi ahli keluarga selepas memahami kepentingan mewujudkan institusi keluarga yang harmoni. Pelbagai konflik dan rasa dendam dapat dielakkan bagi mengeratkan hubungan antara satu sama lain. Pendek kata, nilai-nilai murni dapat dipupuk dalam diri penduduk dunia dengan menonton filem yang disiarkan atas talian.

Bukan itu Sahaja, masyarakat di dunia juga akan mengetahui kebudayaan dan kesenian bangsa yang berlainan dengan menonton filem yang pelbagai jenis. Filem Cina seperti Ip Man mengandungi unsur seni pertahanan cina yang klasik iaitu Weng Chun. Dalam filem tersebut, watak utama ialah Donnie Yen yang berusaha mempertahankan seni pertahanan tersebut yang amat unik daripada ditelan zaman. Oleh hal yang demikian, dia telah melatih diri supaya dapat menyebarkan seni pertahanan itu kepada orang awam dengan baiknya. Pada plot permulaan filem tersebut, dia juga berlawak dengan penjajah Jepun dengan hanya menggunakan kemahiran Weng Chun tanpa menggunakan senjata. Dia akhirnya berjaya menumpaskan pihak Jepun demi mempertahankan nama baik persatuan seni pertahanan diri milik mahagurunya. Kesannya, penonton akan lebih menghormati seni

pertahanan diri bangsa lain. Mereka juga berasa syukur kerana berpeluang menikmati keindahan seni yang bervariasi. Seterunya, mereka tidak lagi mengejek seni budaya sebagai sesuatu yang tidak bersempadan dengan kemodenan tetapi menghargainya sebagai khazanah bangsa. Dengan menonton filem sedemikian, kita akan sedar bahawa seni budaya ini mestilah dipertahankan agar tak lekang dek panas, tak basah dek hujan dalam kemajuan dunia. Filem sebegini mesti didorong dengan sepenuhnya supaya kebudayaan dan kesenian dapat diketahui oleh penduduk sedunia. Kesedaran tentang usaha memelihara seni pertahanan lama juga akan ditingkatkan. Jadi, tidak dapat dinafikan bahawa filem yang ditonton dalam arena antarabangsa di langit terbuka ini dapat menyemarakkan semangat masyarakat untuk terus mempertahankan dan memastikan kegemilangannya pada masa akan datang.

Selanjutnya, masyarakat dunia juga akan dapat menyemai nilai keberanian daripada menonton filem bergenre pengembaraan atau aksi. Filem *Train to Busan* yang pernah saya tonton umpamanya merupakan contoh terbaik untuk membuktikan keberanian sangat penting dalam kehidupan kita. Hal ini dikatakan demikian kerana watak dalam filem itu berani menghadapi cabaran sepanjang filem tersebut. Dia masih dapat bersifat ketenangan sewaktu mendepani pelbagai rintangan seperti kematian kawan dan bahaya virus yang sedang merebak. Walaupun dia diperlukan untuk mencari jalan keluar bagi mengelakkan diri daripada menjangkiti virus tersebut, tetapi dia juga dapat membantu orang lain untuk mencegah virus itu. Pelakon utama yang bernama Goong Yoo berjaya menyelamatkan nyawa orang awam melalui pelbagai taktik yang bijak. Melalui peristiwa yang dinyatakan, sudah jelaslah bahawa watak utama tersebut sanggup mengorbankan diri sendiri demi kepentingan orang lain. Peribahasa iaitu biar putih tulang jangan putih mata paling sesuai bagi menghuraikan perwatakannya. Jadi, tentulah nilai keberanian dan tanggungjawab sosial dapat disemai oleh semua penduduk di dunia yang menonton filem ini. Saya ingin menegaskan bahawa filem yang dapat kita tonton dari sudut antarabangsa ini pastinya memberikan keterujaan dan ketakjuban kepada penontonnya agar berani berjuang dan sanggup berkorban demi mempertahankan prinsip diri.

Pada masa yang sama, filem juga memupuk masyarakat untuk mengejar dan berusaha untuk mencapai impian mereka tanpa berputus asa. Filem yang memotivasikan seperti *The Greatest Showman* dapat mengingatkan penonton tentang sasaran mereka serta menggalakkan mereka untuk mencapainya tanpa takut akan cabaran atau kekalahan. Filem ini mempunyai banyak senario, terutamanya apabila

watak sama ada utama atau sampingan mendepani cabaran yang mampu menjejaskan kejayaan mereka. Namun begitu, mereka semua menunjukkan contoh yang baik dengan tidak menyerah kalah, malah terus menangani masalah dengan apa-apa cara sahaja. Filem tersebut yang merupakan lakonan Hugh Jackman memaparkan ketabahannya apabila gagal dalam perniagaan sarkas manusia. Dia terpaksa mengubah modal perniagaannya serta bersusah payah mendapatkan sokongan penonton. Melalui filem tersebut, semua peniaga di dunia pasti didorong untuk mengusahakan perniagaan mereka dengan lebih baik. Bukan itu sahaja, filem ini juga memberikan inspirasi kepada mereka untuk memikirkan idea inovatif bagi menyelamatkan perniagaan. Hal ini bolehlah dikatakan bak kata pepatah bumi mana yang tidak ditimpa hujan, lautan mana yang tidak berombak, manusia pasti membuat kesilapan dari masa ke masa. Dengan menonton filem sebegini ini, semangat perjuangan kita dapat ditingkatkan. Oleh hal yang demikian, filem antarabangsa yang bertemakan kecekalan ini memberikan kesan yang signifikan kepada para penonton. Saya berani membuat pengakuan bahawa filem yang disiarkan melalui konsep langit terbuka mampu memberikan sokongan dan kuasa kepada kita untuk mendekati cita-cita kita.

Konklusinya, filem antarabangsa yang berpotensi untuk mengubah cara hidup dan bernilai tinggi perlu disiarkan ke serata dunia bagi mencipta kehidupan dan membawa perubahan kepada manusia lain. Filem yang bernilai tinggi juga memerlukan sokongan daripada penonton. Dengan sokongan yang memuaskan, syarikat filem serta studio tertentu juga akan terus menghasilkan filem sebegini kerana mendapat sambutan hangat. Penonton seharusnya memilih filem yang sesuai Dengan budaya dan ajaran tempatan dan mengelakkan sebarang filem yang negatif. Para penonton juga perlu bijak mentafsir nilai-nilai positif yang dimasukkan dalam filem demi mengaut faedahnya. Saya berharap agar lebih banyak filem berkualiti dapat diterbitkan serta disiarkan dalam konsep langit terbuka bagi memanfaatkan dunia. Oleh sebab setiap filem adalah unik dan mempunyai ciri keistimewaannya, penonton mesti bijak membezakan yang mana batu dan mana permata. Sebagai penonton yang bijak pula, mereka akan memperoleh pelbagai faedah sehingga dapat memanfaatkan nilai dan pengajaran dalam kehidupan seharian. Akhir kata, banyak faedah akan kita nikmati dengan menonton filem berkualiti. Kita haruslah menyokong industri filem supaya pihak berkenaan dapat terus menghasilkan filem yang bertahap satu untuk disiarkan ke seluruh jagatraya.